

UMK RESEARCH *infolink*



LAWATAN KERJA

**YB. DATO' SRI DR. ADHAM BABA,
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI &
INOVASI (MOSTI)**

KE UMK

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

Prof. Ts. Dr. Arham Abdullah

EDITOR BERSEKUTU

Prof. Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad bin Sulaiman
Prof. Madya Dr. Mohammad bin Ismail
Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail
Dr. Shah Iskandar Fahmie bin Ramlee
Dr. Muhammad Akmal bin Remli
Dr. Maryana binti Mohamed
Dr. Ch'ng Huck Ywih
Dr. Adams Adeiza
En. Mohd Aswawi bin Isa

EDITOR

Siti Aisah binti Yusop
Nurraihana binti Hamzah

AHLI

Alifah binti Adnan
Puteri Nurainul Bismi binti Jondi
Nur Athirah binti Mat Yusoff
Muhammad Hafizuddin bin Mat Naw
Noorafnie Edura binti Ab Manaf
Ahmad Shazry bin Supi
Mohamad Sa'arani bin Mhd Zin
Nik Aidil Adila binti Nik Yusof
Nor Syafawati binti Abd Rahman
Nur Rosamimie Farisa binti Mohd Roslan
Wan Nurhayati binti Wan Yusoff
Siti Zaharah binti Arifin

KETUA PENERBIT

Azman bin Hashim

PENGARAH SENI

Yusroyka bin Karim

PEREKA

Mohd Faris bin Fauzi

KANDUNGAN

4	SECORET KATA TNCPI
6	PEJABAT TNCPI
7	PENYELIDIKAN
10	KOMERSIALAN & HARTA INTELEK
12	PENERBITAN & PENARAFAN
14	LENSA AKTIVITI
16	JARINGAN INDUSTRI
18	KEUSAHAWANAN
21	AGRO TECHNO PARK
22	CREATIVE TECHNO PARK
23	PUSAT KECEMERLANGAN GERIC
25	PUSAT KECEMERLANGAN InsPeK
29	PUSAT KECEMERLANGAN IFSSA
31	PUSAT KECEMERLANGAN AIBIG



Y.Bhg. Prof. Ts. Dr. Arham bin Abdullah
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Universiti Malaysia Kelantan

Secoret Kata

TNCPI

Assalamualaikum W.B.T. dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana memberi kekuatan kepada sidang penyunting UMK Research Infolink untuk terus komited dalam menghasilkan edisi Ke-18 atau ketiga bagi tahun 2021.

Suku ketiga 2021 (Julai-September 2021) mencatatkan banyak memori indah kepada Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) antaranya di atas pencapaian UMK tersenarai dalam penarafan Times Higher Education (THE). Pencapaian terbaik itu merupakan pengiktirafan global dan petanda positif kepada keberkesanan pelbagai inisiatif UMK ke arah menjadi Universiti Keusahawanan terkemuka dunia menjelang 2030.

Selain itu, 12 penyertaan UMK dalam Creation, Innovation Technology & Research Exposition (CITREX) 2021 anjuran Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah mencatat kejayaan besar apabila UMK telah berjaya memperolehi 11 pingat emas dan satu (1) pingat perak. Malah, UMK turut berjaya membawa pulang satu (1) Anugerah Khas.

Akhir kata, saya berdoa agar warga kerja Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) akan terus kekal bersemangat dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan dan meneruskan momentum untuk lebih cemerlang. Tidak lupa juga kepada seluruh warga penyelidik Universiti Malaysia Kelantan untuk mempertingkatkan lagi pencapaian dalam menjayakan agenda penyelidikan dalam apa jua keadaan yang mendatang.

Sekian, terima kasih.

Y.Bhg. Prof. Ts. Dr. Arham bin Abdullah
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Universiti Malaysia Kelantan

"CONFERENCE ON TROPICAL RESOURCES & SUSTAINABLE SCIENCES (CTRESS) 3.0" ANJURAN FAKULTI SAINS BUMI (FSB) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Fakulti Sains Bumi (FSB) telah menganjurkan satu persidangan antarabangsa "Conference On Tropical Resources & Sustainable Sciences (CTRESS) 3.0"

Persidangan ini dianjurkan untuk mengetengahkan semua bidang yang menjadi teras kepada sumber tropika dan sains kelestarian sekaligus bertujuan untuk meneroka isu permasalahan pengurusan sumber asli daripada perspektif alam sekitar, sosial dan ekonomi serta jalan penyelesaiannya melibatkan tiga tema utama iaitu *Environmental, Social and Management dan Sustainability*.

Adalah dimaklumkan, persidangan ini telah dirasmikan oleh Prof. Dato' Dr. Noor Azizi bin Ismail, Naib Canselor, Universiti Malaysia Kelantan. Bagi menambah elemen perkongsian ilmu isu semasa mengenai topik utama, persidangan ini juga turut menampilkan jemputan khas bagi sesi pengucaptama iaitu Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang, Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar.

Malah beberapa sesi perkongsian ilmu oleh pakar-pakar bagi setiap tema turut diadakan secara langsung pada sesi penceramah jemputan. Bagi Majlis Penutupan persidangan ini dirasmikan oleh Prof. Ts. Dr. Arham Abdullah, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Universiti Malaysia Kelantan.



Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) ingin merakamkan ucapan TAHNIAH kepada semua staf Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) yang telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) pada Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2020 Universiti Malaysia Kelantan

Diharapkan pencapaian ini akan menguatkan lagi semangat semua staf untuk terus melaksanakan tugas dengan terbaik dan cemerlang pada tahun-tahun yang akan datang



LAWATAN KERJA YB. DATO' SRI DR. ADHAM BABA, MENTERI SAINS, TEKNOLOGI & INOVASI (MOSTI) KE UMK

KOTA BHARU 11 September 2021 I Menteri Sains Teknologi dan Inovasi, YB. Dato' Sri Dr. Adham Baba, merasmikan Majlis Perasmian Institut Kepintaran Buat dan Data Raya (AIBIG) dan IR4.0 Competence Centre di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Kampus Kota, Pengkalan Chepa, Kelantan. Majlis tersebut bersempena lawatan kerja rasmi YB Menteri ke Negeri Kelantan dan Terengganu, pada 11 dan 12 September 2021.



Pada lawatan itu, YB Dato' Sri Adham Baba turut menyaksikan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) secara dalam talian antara UMK dan Microsoft serta turut hadir dari pihak Huawei. UMK telah menjalankan kerjasama dengan pihak Huawei bermula pada tahun 2019 melalui program Huawei ICT Academy.

YB. Dato' Sri Adham Baba turut dibawa melihat pameran produk penyelidikan dan inovasi kerjasama di antara UMK dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menerusi Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) dan SME Corp.

Produk-produk inovasi yang dipamerkan adalah Program Malaysian Social Innovator Accelerator Program (Mysiap) yang diterajui YIM, agensi di bawah MOSTI. Selain itu, turut dibentangkan empat projek Malaysia Science Technology Innovation and Economy (MySTIE) yang dilaksanakan oleh UMK iaitu Innovation and Entrepreneur Incubator Complex (IEIC), Gold and Rare Earth Technopreneurship Centre (GREAT), Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Tasik Banding dan Regional Social Innovation Entrepreneurship Hub (S.I.E).



17 PROJEK PENYELIDIKAN DIPERAKUKAN BAGI PERMOHONAN SKIM GERAN PENYELIDIKAN FUNDAMENTAL (FRGS) FASA 1 TAHUN 2021

Sebanyak 141 permohonan Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) Fasa 1 Tahun 2021 daripada Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah dihantar ke Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Penilaian dan pertimbangan terhadap permohonan FRGS Fasa 1 Tahun 2021 yang dikemukakan telah dijalankan oleh KPT dan sebanyak 17 projek penyelidikan telah diperakukan dengan peruntukan sebanyak RM1,494,200.00. Tahniah kepada semua penyelidik yang berjaya dalam permohonan FRGS Fasa 1 Tahun 2021.

Tahniah
di atas kejayaan memperoleh

SKIM GERAN PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN PROTOTAIP (PRGS) FASA 1 TAHUN 2021
RM394,670.00
JUMLAH PERUNTUKAN GERAN

- **Ts. Nor Dini binti Rusli**
Fakulti Industri Asas Tani (FIAT)
RM262,670
Tajuk: Development of Total Mixed Ration Local Feed Resources for Enhancing the Lactating, Pre-Weaning and Post-Weaning Performances of Dairy Goats
- **Dr. Hasif Rafidee bin Hasbollah**
Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK)
RM132,000
Tajuk: The Prototype of Stress Level Measurement Scale for Nursing Home Staff (SeLeM-NeS) in Malaysia

Daripada Penerima dan Ahli Lembaga Pengarah Universiti, Ahli Senat dan Seluruh Warga Universiti Malaysia Kelantan

KEPUTUSAN PERMOHONAN SKIM GERAN PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN PROTOTAIP (PRGS) FASA 1 TAHUN 2021

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah menghantar sebanyak tujuh (7) buah permohonan di bawah Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS) Fasa 1 Tahun 2021 ke Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Setelah penilaian dan pertimbangan permohonan PRGS dilakukan, KPT telah memperakukan dua (2) projek penyelidikan dengan jumlah peruntukan adalah RM394,670.00. Sebanyak RM262,670.00 diperuntukan bagi projek bertajuk “Development of Total Mixed Ration Pellets using Local Feed Resources for Enhancing the Lactating, Pre-Weaning and Post-Weaning Performances of Dairy Goats” yang diketuai oleh Ts. Nor Dini binti Rusli dari Fakulti Industri Asas Tani (FIAT) dan baki RM132,000.00 adalah diperuntukan bagi projek bertajuk “The Prototype of Stress Level Measurement Scale for Nursing Home Staff (SeLeM-NeS) in Malaysia” yang diketuai oleh Dr. Hasif Rafidee bin Hasbollah dari Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK). Sekalung tahniah diucapkan kepada para penyelidik yang berjaya dalam permohonan PRGS Fasa 1 Tahun 2021.

Tahniah

PROF. MADYA DR. NIK YUSRI BIN MUSA
FAKULTI PENGAJIAN BAHASA DAN PEMBANGUNAN INSAN

Atas Kerjasama untuk Menjalankan Penyelidikan Lapangan UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN-JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM KELANTAN (UMK-JAHEAIK)

Tajuk: Orientasi Pemikiran dan Pendidikan Institusi Pondok di Kelantan dan Kesannya Kepada Pola Pemikiran dan Pengamalan Syariat di Kalangan Masyarakat

Jumlah Peruntukan RM 30,000.00

Daripada Penerima dan Ahli Lembaga Pengarah Universiti, Ahli Senat dan Seluruh Warga Universiti Malaysia Kelantan

KERJASAMA MENJALANKAN PENYELIDIKAN LAPANGAN ANTARA UMK-JAHEAIK

Prof. Madya Dr. Nik Yusri bin Musa dari Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan (FBI) telah berjaya mendapatkan kerjasama untuk menjalankan penyelidikan lapangan antara Universiti Malaysia Kelantan dan Jabatan Hal Ehwat Agama Islam Kelantan (UMK-JAHEAIK) bagi kajian bertajuk Orientasi Pemikiran dan Pendidikan Institusi Pondok di Kelantan dan Kesannya Kepada Pola Pemikiran dan Pengamalan Syariat di Kalangan Masyarakat dengan jumlah peruntukan yang diberikan adalah sebanyak RM30,000.00.

Tahniah

ENCIK MUHAMMAD NAJIBUL MUTHIE BIN CHE YAACOB
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

atas kejayaan memperoleh

RM65,000.00
Blok Batik Boleh Ubah 'Pointillism'

GERAN PEMBANGUNAN PRODUK INOVASI PROGRAM MAINSTREAMING GRASSROOTS INNOVATIONS (MaGRis) 2021
YAYASAN INOVASI MALAYSIA

Daripada PENERUSA DAN AHLI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI, AHLI SENAT DAN SELURUH WARGA UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

PENTADBIR UMK ANTARA 10 PENERIMA GERAN PEMBANGUNAN PRODUK INOVASI MaGRis 2021

Encik Muhammad Najibul Muthie bin Che Yaacob, Pereka di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan dengan produk Blok Batik Boleh Ubah ‘Pointillism’ telah terpilih menjadi antara 10 penerima Geran Pembangunan Produk Inovasi Program “Mainstreaming Grassroots Innovation” (MaGRIs) 2021, Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) daripada lebih 300 penyertaan dari seluruh Malaysia dengan peruntukan yang diperolehi adalah sebanyak RM65,000.00. Tahniah diucapkan kepada beliau di atas sumbangan terhadap peningkatan penyelidikan di UMK yang berterusan dan membuktikan bahawa Pentadbir turut mampu berjaya dalam penyelidikan dan inovasi.

Tahniah

TS. DR. MARYANA BINTI MOHAMAD NOR & DR. NOOR HAFIZOH BINTI SAIDAN
di atas kejayaan memperoleh

RM 20,000
DARIPADA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
SAGI PROGRAM PEMBANGUNAN PRODUK

PENGHASILAN "PATTY" BERASAKAN CENDAWAN TIRAM KELABU

Daripada Penerima dan Ahli Lembaga Pengarah Universiti, Ahli Senat dan Seluruh Warga Universiti Malaysia Kelantan

PENGHASILAN "PATTY" BERASAKAN CENDAWAN TIRAM KELABU BERJAYA MENDAPATKAN DANA DARIPADA MAF

Penghasilan “Patty” Berasakan Cendawan Tiram Kelabu bagi Program Pembangunan Produk yang dihasilkan oleh Ts. Dr. Maryana binti Mohamad Nor dan Dr. Noor Hafizoh binti Saidan dari Fakulti Industri Asas Tani (FIAT) telah berjaya memperolehi dana daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) yang berjumlah sebanyak RM20,000.00. Tahniah kepada para penyelidik di atas kejayaan ini yang menyumbang kepada peningkatan penyelidikan di UMK.

DUA PROJEK BERIMPAK TINGGI BERJAYA MEMPEROLEHI DANA KEUSAHAWANAN UMK BERJUMLAH RM3,443,600.00



Ts. Dr. Maryana binti Mohamad Nor dan pasukan penyelidik Institut Penyelidikan Jaminan Makanan dan Pertanian Lestari (IFSSA) telah berjaya memperolehi geran penyelidikan keusahawanan berjumlah RM2,450,000.00 bagi projek Innovation and Entrepreneur Incubator Complex (IEIC). Projek ini merupakan projek pembangunan industri di dalam universiti (industry@umk) bagi menyokong ekosistem RICE di UMK. Pusat ini nanti akan menjadi 'One Stop Centre' bagi projek-projek yang melibatkan testing, analysis dan certification yang melibatkan industri herba, halal, mineral, logam dan emas di negeri Kelantan khususnya dan di Malaysia secara amnya.



Manakala, ChM. Ts. Dr. Abdul Hafidz bin Yusoff dan pasukan berjaya memperolehi dana keusahawanan berjumlah RM993,600.00 bagi pembangunan projek Gold Rare Earth and Material Technopreneurship Centre (GREAT) bagi pengujian, analisis, verifikasi dan penghasilan produk berasaskan emas yang ditambah nilai (upstream and downstream). Kerajaan Negeri Kelantan melalui YAB Menteri Besar Kelantan juga telah menjadikan UMK sebagai hub penyelidikan dan Pusat Verifikasi Emas bagi Negeri Kelantan yang mana setiap pelabur emas yang bercadang untuk membuka lombong emas di negeri Kelantan perlu melalui Pusat ini sebelum diberikan kebenaran untuk melombong. Melalui projek ini juga, UMK akan mempunyai pusat jualan emas bagi aktiviti keusahawanan/pengkomersilan dan sebagai pusat sehati bagi verifikasi kualiti emas di Malaysia.

PENYELIDIK FAKULTI PERUBATAN VETERINAR (FPV) BERJAYA MEMPEROLEHI DANA DARIPADA TORAY SCIENCE FOUNDATION JAPAN



Dua (2) penyelidik dari Fakulti Perubatan Veterinar (FPV) iaitu Dr. Tan Li Peng dan Dr. Ruhil Hayati Binti Hamdan telah berjaya memperolehi dana Year 2021 MTSF Science & Technology Research Grant sebanyak RM12,000.00 daripada Toray Science Foundation Japan bagi projek penyelidikan *Protein Communication of Entomopathogenic Fungus Metarhizium anisopliae with the Insect Host Aedes spp. during Infection*. Tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat di atas kejayaan ini.

PERMOHONAN SKIM GERAN PENYELIDIKAN DALAMAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK)



Permohonan Skim Geran Penyelidikan Dalamannya UMK telah dibuka mulai 8 September 2021 dan tarikh tutup permohonan telah dilanjutkan sehingga 4 Oktober 2021. Skim geran yang terlibat adalah UMK-Prototype Grant (UMK-PRO), UMK Matching Grant (UMK-MATCH) dan UMK Community Grant (UMK-COM). Silang yang ditetapkan bagi UMK-PRO dan UMK-COM adalah sehingga RM30,000 manakala silang bagi UMK-MATCH dibahagikan kepada Sains Sosial sebanyak RM30,000 dan Sains dan Teknologi sebanyak RM50,000. Permohonan Skim Geran Penyelidikan Dalamannya UMK adalah melalui Research Management System (RMS) di <http://rms.umk.edu.my>.

Seterusnya, Taklimat Permohonan Skim Geran Universiti Malaysia Kelantan telah diadakan secara dalam talian pada 21 September 2021 yang disampaikan oleh ChM. Ts. Dr. Abdul Hafidz bin Yusoff, Pengarah Bahagian Pengurusan Penyelidikan (RMD). Taklimat ini bertujuan memberi maklumat dan kefahaman kepada para penyelidik berhubung permohonan Skim Geran Penyelidikan Dalamannya UMK yang telah dibuka mulai 8 September 2021.

PENYELIDIK UMK MENERUSKAN RENTAK CEMERLANG DALAM PERTANDINGAN/ PAMERAN INOVASI YANG DISERTAI



INNOVATION AND INVENTION COMPETITION THROUGH EXHIBITION 2021 (iCompEx)

Seramai lima (5) orang penyelidik UMK menyertai Innovation And Invention Competition Through Exhibition 2021 (iCompEx) anjuran Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS) yang diadakan secara dalam talian telah berjaya membawa pulang tiga (3) pingat emas, satu (1) pingat perak dan satu (1) pingat gangsa. Keputusan penilaian para pemenang telah diumumkan pada 27 Julai 2021 yang dipaparkan melalui sistem iCompEx di laman web iCompEx. Sekalung tahniah diucapkan kepada semua pemenang.

THE 6th INTERNATIONAL INVENTION INNOVATION COMPETITION IN CANADA (iCAN) 2021

Ts. Dr. Anuar bin Mohd Yusof dengan projek *Innovation Education 4.0 Adapting Massive Open Online Course: "MOOC in MOOC" Technique* telah berjaya memperolehi Pingat Emas, Canadian Special Award dan Best Invention Video Awards dalam *The 6th International Invention Innovation Competition in Canada (iCAN) 2021*.

Manakala, Dr. Ch'ng Huck Ywih berjaya membawa pulang Pingat Emas dan Anugerah Khas *World Invention Intellectual Property Association (WIIPA)* bagi projek *Agro Wastes to Organic Amendments Improves Soil Health and Crop Productivity without Polluting the Environment* pada pertandingan yang sama.

iCAN 2021 telah disertai oleh seramai 600 orang peserta daripada 70 buah negara menjadikan ini salah satu pencapaian di peringkat antarabangsa yang amat membanggakan dan dapat membantu meningkatkan *visibility* UMK. Keputusan pemenang telah diumumkan pada 28 Ogos 2021. Tahniah diucapkan kepada semua penyelidik yang terlibat.



2021 ALL AMERICAN DAVINCI INTERNATIONAL INNOVATION AND INVENTION EXPO

Dr. Ch'ng Huck Ywih dan pasukan terus cemerlang di peringkat antarabangsa dengan membawa pulang Pingat Emas dan Anugerah Khas (TISIAS) pada 2021 All American Davinci International Innovation and Invention Expo, Southern Utah University United State of America bagi projek *Organic Amendments from Agro Wastes: A Promising Approach for Soil Health Restoration and High Crop Yield without Polluting the Environment* yang diadakan pada 11- 13 Ogos 2021.



THE 7th WORLD INVENTION INNOVATION CONTEST (WIC 2021)



Satu (1) lagi kejayaan membanggakan telah dicipta oleh Dr. Ch'ng Huck Ywih dan pasukan penyelidik di peringkat antarabangsa dengan membawa pulang Pingat Emas dan Anugerah Khas (Asia Invention Association) pada The 7th World Invention Innovation Contest (WIC) 2021, Seoul, Korea Selatan bagi projek bertajuk Soil Health Rejuvenation To Improve Crop Productivity without Polutting the Environment by Using Organic Amendments from Agro Wastes.

11 PRODUK UMK BERJAYA DIPATEN MENERUSI MyIPO

ID	Produk	Pemilik/Co-Owner	Inventor/Co-Inventor
1	Integrated Solar Dryer (INSOLAR)	Prof. Dr. Nur Hafid Bin Abdullah Prof. Abdull. Gh. Jabar Gh. Abdullah bin Jaafar	Dr. Nur Hafid Bin Abdullah Dr. Nur Hafid Bin Abdullah Dr. Abdull. Gh. Jabar Gh. Abdullah bin Jaafar
2	A Clay-Based Porous Ceramic for Thermal Insulating Application	Ts. Dr. Yoo Han Tae	Dr. Archa B. Ab Prof. Muzaffar bin Sultan Dr. Muzaffar bin Sultan Dr. Saiful bin Mohamad Noor Prof. Muzaffar bin Sultan
3	Microwave Absorption on SiC Nanoparticle Suspensions	Prof. Muzaffar Bin Sultan Oth. Ts. Dr. Nur Hafid Bin Abdullah	Dr. Archa B. Ab Prof. Muzaffar bin Sultan Dr. Saiful bin Mohamad Noor Dr. Saiful bin Mohamad Noor Dr. Saiful bin Mohamad Noor Dr. Saiful bin Mohamad Noor Dr. Saiful bin Mohamad Noor Dr. Saiful bin Mohamad Noor
4	SPeSOLAR: An Improved Method to Isolate DNA Organic Acid	Dr. Saiful bin Mohamad Noor	Dr. Saiful bin Mohamad Noor Dr. Saiful bin Mohamad Noor Dr. Saiful bin Mohamad Noor Dr. Saiful bin Mohamad Noor Dr. Saiful bin Mohamad Noor Dr. Saiful bin Mohamad Noor Dr. Saiful bin Mohamad Noor Dr. Saiful bin Mohamad Noor
5	Transformation for Skin Infections in Animal	Dr. Nur Hafid Bin Abdullah	Dr. Nur Hafid Bin Abdullah Dr. Nur Hafid Bin Abdullah Dr. Nur Hafid Bin Abdullah Dr. Nur Hafid Bin Abdullah Dr. Nur Hafid Bin Abdullah Dr. Nur Hafid Bin Abdullah Dr. Nur Hafid Bin Abdullah Dr. Nur Hafid Bin Abdullah
6	A Modular Furniture	Dr. Muhammad Ezzan Bin Zaidat Abdullah	Puan Nor Hanisah Binti Abdull. Hanisah Dr. Nur Hafid Bin Abdullah Dr. Nur Hafid Bin Abdullah Dr. Nur Hafid Bin Abdullah Dr. Nur Hafid Bin Abdullah Dr. Nur Hafid Bin Abdullah Dr. Nur Hafid Bin Abdullah Dr. Nur Hafid Bin Abdullah
7	Compact Machine	Ts. Dr. Muzaffar Bin Sultan	Dr. Saiful bin Mohamad Noor Dr. Saiful bin Mohamad Noor Dr. Saiful bin Mohamad Noor Dr. Saiful bin Mohamad Noor Dr. Saiful bin Mohamad Noor Dr. Saiful bin Mohamad Noor Dr. Saiful bin Mohamad Noor Dr. Saiful bin Mohamad Noor
8	Human Intelligence Performance Prediction Based on AI Methods	Prof. Dr. Raja Suzana Binti Raja Ramli	Dr. Saiful bin Mohamad Noor Dr. Saiful bin Mohamad Noor Dr. Saiful bin Mohamad Noor Dr. Saiful bin Mohamad Noor Dr. Saiful bin Mohamad Noor Dr. Saiful bin Mohamad Noor Dr. Saiful bin Mohamad Noor Dr. Saiful bin Mohamad Noor
9	Artificial Intelligence System and Method for Sustainable Social Finance	Prof. Dr. Raja Suzana Binti Raja Ramli	Dr. Saiful bin Mohamad Noor Dr. Saiful bin Mohamad Noor Dr. Saiful bin Mohamad Noor Dr. Saiful bin Mohamad Noor Dr. Saiful bin Mohamad Noor Dr. Saiful bin Mohamad Noor Dr. Saiful bin Mohamad Noor Dr. Saiful bin Mohamad Noor
10	A Computerized Method for Talent Shortage Evaluation	Dr. Muzaffar Bin Sultan	Dr. Saiful bin Mohamad Noor Dr. Saiful bin Mohamad Noor Dr. Saiful bin Mohamad Noor Dr. Saiful bin Mohamad Noor Dr. Saiful bin Mohamad Noor Dr. Saiful bin Mohamad Noor Dr. Saiful bin Mohamad Noor Dr. Saiful bin Mohamad Noor

Sebanyak 11 produk penyelidik Universiti Malaysia Kelantan (UMK) berjaya didaftarkan paten menerusi Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) pada Bengkel Penyediaan Dokumen Pemfailan Paten anjuran Bahagian Komersial dan Harta Intelek (ICD) yang diadakan pada 8-10 Mac 2021. Bengkel ini bertujuan untuk membantu penyelidik menyediakan dokumen dan pendaftaran paten bagi melindungi harta intelek mengikut format dan diselaraskan dengan penggunaan kos yang paling minimum tanpa melibatkan ejen.

Kejayaan ini turut meletakkan UMK di kedudukan ke-14 dalam senarai 'Top 30 Malaysian Patent Applicants in 2020' yang dikeluarkan oleh MyIPO bagi tahun 2020.

CARNIVAL OF RESEARCH AND INNOVATION (CRI 2021) VIRTUAL INTERNATIONAL EDITION



Carnival of Research and Innovation (CRI 2021) Virtual International Edition anjuran Bahagian Komersial dan Harta Intelek (ICD), Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC), Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) dengan kerjasama Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW), Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan (FBI) dan Politeknik Malaysia Kota Bharu (PKB) serta disokong oleh National STEM Association telah diadakan bermula 15 April 2021 manakala majlis perasmian dan penutup telah diadakan pada 20-21 September 2021 secara dalam talian.

Majlis perasmian CRI 2021 Virtual International Edition telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Dr. Nik Maheran Binti Nik Muhammad yang Menjalankan Fungsi Naib Canselor UMK. Penganjuran karnival ini adalah bertujuan untuk menggalakkan penyelidik UMK menjalankan penyelidikan dan inovasi berterusan ke arah pengkomersialan di samping membudayakan penyelidikan yang berinovasi yang memberi impak tinggi kepada masyarakat sekeliling selari dengan ekosistem R.I.C.E yang telah dibangunkan. Turut diadakan adalah Live Webinar Research and Innovation Sharing Session secara dalam talian pada 20 September 2021 melalui UMK TV dan Facebook Official UMK.

Sebanyak 335 penyertaan telah diterima daripada penyelidik UMK, Politeknik Kota Bharu, universiti-universiti awam dan swasta, sekolah-sekolah, kolej-kolej dan dari penyelidik luar negara. Manakala, sebanyak 86 pingat emas, 133 pingat perak, 107 pingat gangsa, 9 Merit dan 14 Anugerah Terbaik bagi 14 kategori antaranya kategori Technology, Electronic & Internet of Things; kategori Food Tech, Agriculture & Environment, Architecture; kategori Biotechnology Medical Device, Pharmaceutical & Health; kategori Chemical, Advanced Material & Plastics dan lain-lain kategori telah dianugerahkan kepada semua pemenang. Sementara itu, dalam ucapan Prof. Dr. Razli Bin Che Razak yang Menjalankan Fungsi Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) semasa perasmian penutup menyatakan karnival ini adalah satu acara yang relevan dan mesti diteruskan sebagai acara tahunan di mana ia adalah satu platform untuk pertukaran idea, pengetahuan dan perkongsian pengalaman di dalam penyelidikan.



PROGRAM UMK RISING STAR TAHUN 2021

Pada tahun 2020, seramai 14 Staf akademik muda telah terpilih bagi Program UMK Rising Star dan dianugerahkan RM20,000 bagi Sains dan Teknologi, dan RM10,000.00 bagi Sains Sosial dalam bentuk geran penyelidikan pada Jun 2020.

Manakala bagi Tahun 2021, sebanyak 33 permohonan daripada sembilan (9) fakulti telah diterima oleh pihak Bahagian Penerbitan dan Penarafan (PRD) dan satu sesi temu duga telah diadakan pada 15 Jun 2021 untuk memilih UMK Rising Star Tahun 2021. Daripada 33 calon, 17 staf akademik telah berjaya dipilih sebagai UMK Rising Star Tahun 2021 selepas melepasi kesemua syarat-syarat yang ditetapkan dan dianugerahkan geran khas bagi mencapai KPI serta objektif program ini. Tahniah diucapkan kepada semua yang berjaya.

BENKEL PERKONGSIAN MyRA

Pada 17 Ogos 2021, Bengkel Perkongsian MyRA telah diadakan secara dalam talian anjuran Bahagian Penerbitan dan Penarafan (PRD) yang disampaikan oleh Panel Juru Audit MyRA Jabatan Pengajian Tinggi (JPT), YBhg. Prof. Ir. Ts. Dr. Ahmad Rasdan bin Ismail. Sesi perkongsian selama 30 minit ini bertujuan memberi kefahaman kepada semua task force MyRA dan chief data yang terlibat dalam pengumpulan maklumat dan data MyRA. Bengkel diteruskan lagi dengan pembentangan task force atau chief data setiap bahagian mengenai status terkini data dan bukti yang dimuat naik dalam drive yang disediakan oleh pihak urus setia/PRD.



TAKLIMAT GLOSARI MyRA I DAN STRATEGI

Bahagian Penerbitan dan Penarafan (PRD) sentiasa berusaha memastikan penarafan bintang MyRA UMK meningkat dari tahun ke tahun berikutnya. Antara inisiatif pihak PRD adalah dengan menganjurkan sesi taklimat dan strategi MyRA setiap tahun kepada semua ahli task force dan chief data MyRA yang terlibat bagi memastikan semua ahli dan chief data arif tentang pengumpulan data serta mengemukakan bukti yang bertepatan dengan apa yang dinyatakan dalam Glosari MyRA.

Taklimat MyRA I dan Strategi telah diadakan pada 23 Ogos 2021 yang disampaikan oleh YBhg. Prof. Dr. Mohd Shahir Shamsir bin Omar, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM) dan YBhg. Prof. Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad bin Sulaiman, Pengarah Kanan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC), UMK sebagai Moderator. Sesi taklimat ini turut disertai oleh staf akademik dan pentadbiran dalam usaha menjayakan strategi bagi meningkatkan markah dan bintang penarafan MyRA UMK.



UMK RISING STAR TALK

Pada 24 Ogos 2021, UMK Rising Star Talk 1/2021 telah diadakan secara dalam talian yang disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Noor Shella binti Che Nawi dari Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) dengan tajuk How I Manage to Publish Papers in WoS and SCOPUS.

Seterusnya, UMK Rising Star Talk 2/2021 telah diadakan pada 7 September 2021 secara dalam talian yang disampaikan oleh Ts. Dr. Anuar bin Mohd Yusof dari Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) dengan tajuk Pentaksiran Alternatif dalam Talian melalui Pendekatan Teknik MOOC in MOOC.

UMK Rising Star Talk 3/2021 telah diadakan pada 21 September 2021 secara dalam talian yang disampaikan oleh Dr. Nor Fadhillah binti Kamaruzzaman dari Fakulti Perubatan Veterinar (FPV) dengan tajuk The Application of Nanotechnology in Veterinary Medicine. Pengarah Bahagian Penerbitan dan Penarafan (PRD), Dr. Mohd Asrul Hery bin Ibrahim merupakan Moderator bagi ketiga-tiga siri UMK Rising Talk ini dan yang akan datang.



PERKONGSIAN STRATEGI BAGI QS WORLD UNIVERSITY RANKING DAN QS SUBJECT RANKING

Perkongsian Strategi Bagi QS World University Ranking dan QS Subject Ranking telah diadakan pada 9 September 2021 secara dalam talian yang disampaikan oleh YBhg. Prof. Dr. Azmawani bin Abd Rahman, Pengarah Pusat Strategik dan Perhubungan Korporat, Universiti Putra Malaysia (UPM). Perkongsian strategi QS adalah merupakan salah satu inisiatif untuk meningkatkan pencapaian UMK dalam penarafan ini. Di samping itu, perkongsian ini bertujuan untuk melancarkan proses pengumpulan data QS World University Ranking dan QS Subject Ranking serta menjadi lebih optimum. Pengarah Bahagian Penerbitan dan Penarafan (PRD), Dr. Mohd Asrul Hery bin Ibrahim merupakan Moderator bagi sesi perkongsian ini.

LAWATAN AUDIT OLEH PANEL PENILAI PROFESSIONAL ACCREDITATION COUNCIL FOR ENTREPRENEURIAL & ENGAGED UNIVERSITIES (ACEEU) KE IR4.0 COMPETENCE CENTRE



10 PRODUK UMK BERJAYA DIPATEN MENERUSI MyIPO

<p>Tahniah SUKSES DAN BERKUALITI</p> <p>Integrated Solar Dryer (INSOLER) No. Pendaftaran: P1021902114</p> <p>Penyidik Utama: Prof. Dr. Mohd. Yusoff bin Mohd. Yusoff Penyidik Bersama: Prof. Madya Dr. Siti Nur Hafizah binti Yusoff, Dr. Khamiah binti Yusoff</p>	<p>Tahniah SUKSES DAN BERKUALITI</p> <p>A Method of Producing A Clay - Based Porous Ceramic for Thermal Insulating Application No. Pendaftaran: P102190204021</p> <p>Penyidik Utama: U. Dr. Soo Fook Ter Penyidik Bersama: Prof. Madya Dr. Siti Nur Hafizah binti Yusoff, Dr. Nur Hafizah binti Yusoff, Prof. Madya Dr. Mohd Yusoff bin Yusoff, Dr. Haniyati binti Yusoff</p>	<p>Tahniah SUKSES DAN BERKUALITI</p> <p>Microwave Absorption on SiC/Feldspar Susceptor No. Pendaftaran: P102190204085</p> <p>Penyidik Utama: Prof. Madya Dr. Siti Nur Hafizah binti Yusoff</p>	<p>Tahniah SUKSES DAN BERKUALITI</p> <p>SpeedDNA: An Improved Method to Isolate DNA Organic Acid No. Pendaftaran: P102190204081</p> <p>Penyidik Utama: Dr. Jazirah Syarifah Farhan Penyidik Bersama: Dr. Fung Phoo Hai, M. Asmatul Huda bin Noor Yusoff</p>
<p>Tahniah SUKSES DAN BERKUALITI</p> <p>Nanof ormulation for Skin Infections in Animal No. Pendaftaran: P102190204087</p> <p>Penyidik Utama: Dr. Nur Faridatul Kamazzaman Penyidik Bersama: Dr. Farah Hanis Binti Yusoff</p>	<p>Tahniah SUKSES DAN BERKUALITI</p> <p>A Computerized Method For Talent Shortage Evaluation No. Pendaftaran: P102190204085</p> <p>Penyidik Utama: Dr. Mohd. Yusoff bin Yusoff</p>	<p>Tahniah SUKSES DAN BERKUALITI</p> <p>Compost Machine No. Pendaftaran: P102190204079</p> <p>Penyidik Utama: U. Dr. Muzammil Muzammil Yusoff Penyidik Bersama: Prof. Madya Dr. Siti Nur Hafizah binti Yusoff, Dr. Nur Hafizah binti Yusoff</p>	<p>Tahniah SUKSES DAN BERKUALITI</p> <p>Method for Producing A Stable Hybrid Organic Nano - Reinforcement No. Pendaftaran: P102190204084</p> <p>Penyidik Utama: Che. U. Dr. Nur Hafizah binti Yusoff</p>
<p>Tahniah SUKSES DAN BERKUALITI</p> <p>A Modular Furniture No. Pendaftaran: P102190204080</p> <p>Penyidik Utama: Dr. Muzammil Muzammil Yusoff Penyidik Bersama: Prof. Madya Dr. Siti Nur Hafizah binti Yusoff</p>	<p>Tahniah SUKSES DAN BERKUALITI</p> <p>Human Intelligence Performance Prediction Based on Ai Methods No. Pendaftaran: P102190204088</p> <p>Artificial Intelligence System And Method for Sustainable Social Finance No. Pendaftaran: P102190204089</p> <p>Penyidik Utama: Prof. Dr. Siti Nur Hafizah binti Yusoff</p>		

AKTIVITI PENTERNAKAN PUYUH PEDAGING DAN PENELOR



LAWATAN DAN PERBINCANGAN BERKENAAN PROJEK PENYELIDIKAN DAN INOVASI BAGI PENGHASILAN BAKA PEMBIAKAN KAMBING BAGI PENTERNAKAN DI GUA MUSANG



WEBINAR UNIVERSITY FOR SOCIETY (U4S) SIRI 3 ZON TIMUR "KOMUNITI NELAYAN SETIU, TERENGGANU - GERBANG TEKNOLOGI DAN EKOPELANCONGAN"

26 Ogos 2021- Webinar University for Society (U4S) Siri 3 Zon Timur "Komuniti Nelayan Setiu, Terengganu - Gerbang Teknologi Dan Ekopelancongan" anjuran bersama empat universiti awam di Zon Timur dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah diadakan melalui platform siaran Facebook KPT.

Pelaksanaan program U4S ini menyahut "Redesign University Higher Education: University, Industry and Community Engagement", dan juga Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) 2015-2025 di mana "Quadruple Helix Engagement Model" menjadi paksi utama kepada konsep U4S. Sepanjang forum ini berlangsung, lebih 5000 orang telah menonton siaran ini secara langsung.

JPT JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
UNIVERSITY FOR SOCIETY
Webinar U4S Siri 3 Zon Timur
Komuniti Nelayan Setiu, Terengganu - Gerbang Teknologi dan Ekopelancongan
 26 Ogos 2021
 Khamis | 11.00 Pagi
LIVE MOHDFacebook
 Dr. Zaha Rosulila Binti Abu Hassan
 Ketua U4S Zon Timur
PANEL 1
 Dr. Razak bin Zakariya
 Ketua Projek, UMT
 Peningkatan Habitual Ruan dan Perikanan Rekreasi
PANEL 2
 Dr. Jamaludin bin Sallim
 Ketua Projek, UMP
 Aplikasi Digital Perikanan Rekreasi Nelayan
PANEL 3
 Dr. Shah Iskandar Fahmie bin Ramlee
 Ketua Projek, UIK
 Peningkatan Ekonomi Komuniti
PANEL 4
 Dr. Hj. Wan Ismail bin Hj. Wan Abdullah
 Ketua Projek, UMSZA
 Peningkatan dan Penghidupan Komuniti
PANEL 5
 En. Hafiz bin Mazin
 Pengerusi
 Tourism Malaysia Wilayah Timur
PANEL 6
 En. Omar bin Ismail
 Pengerusi
 Persatuan Nelayan Kawasan Setiu
 Anjuran dan Kerjasama : THS Geoscience, MAST, KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI, KEMENTERIAN PERKELANTAN, UMT, UMS, UIN, UNISZA, TOURISM MALAYSIA.

FORUM UMK FOR SOCIETY

FORUM UMK FOR SOCIETY
IFSSA SEBAGAI HUB SEKURITI MAKANAN PANTAI TIMUR
LIVE MOHDFacebook
 29 Ogos 2021 (Ahad)
 2.30 Petang
 Anjuran CUIC Dengan kerjasama IFSSA dan FIAT
 Dr. Siti Nurul Huda Binti Mohammad Azmin
 Ketua Projek, UMS
 Peningkatan Keselamatan dan Kualiti Makanan
 Dr. Siti Nurul Huda Binti Mohammad Azmin
 Ketua Projek, UMS
 Peningkatan Keselamatan dan Kualiti Makanan
 Dr. Siti Nurul Huda Binti Mohammad Azmin
 Ketua Projek, UMS
 Peningkatan Keselamatan dan Kualiti Makanan

29 Ogos 2021 | Pusat Jaringan Industri Universiti (CUIC) dengan kerjasama Institut Penyelidikan Jaminan Makanan Dan Pertanian Lestari (IFSSA) dan Fakulti Industri Asas Tani (FIAT) telah menganjurkan forum bertajuk IFSSA sebagai Hub Sekuriti Makanan Pantai Timur. Forum ini diadakan bertujuan untuk berkongsi pengenalan dan objektif IFSSA, sekuriti makanan, perkhidmatan yang disediakan, kejayaan yang diperolehi serta projek-projek terkini IFSSA. Sepanjang forum ini berlangsung, lebih 800 orang telah menonton siaran ini secara langsung.


FORUM UMK FOR SOCIETY
KERANGKA BAHARU BEKERJA BERSAMA MENGURUS KEMISKINAN DAN MEMBINA KESEJAHTERAAN KOMUNITI
LIVE MOHDFacebook
 14 SEPTEMBER 2021
 SELASA | 10.00 PAGI
 ANJURAN CUIC DENGAN KERJASAMA InsPeK
 Dr. Razak bin Zakariya
 Ketua Projek, UMT
 Peningkatan Habitual Ruan dan Perikanan Rekreasi
 Dr. Jamaludin bin Sallim
 Ketua Projek, UMP
 Aplikasi Digital Perikanan Rekreasi Nelayan
 Dr. Shah Iskandar Fahmie bin Ramlee
 Ketua Projek, UIK
 Peningkatan Ekonomi Komuniti
 Dr. Hj. Wan Ismail bin Hj. Wan Abdullah
 Ketua Projek, UMSZA
 Peningkatan dan Penghidupan Komuniti
 En. Hafiz bin Mazin
 Pengerusi
 Tourism Malaysia Wilayah Timur
 En. Omar bin Ismail
 Pengerusi
 Persatuan Nelayan Kawasan Setiu

14 September 2021 | Pusat Jaringan Industri Universiti (CUIC) dengan kerjasama Institut Penyelidikan & Pengurusan Kemiskinan (InsPeK) telah menganjurkan forum bertajuk Kerangka Baharu Bekerja Bersama Mengurus Kemiskinan dan Membina Kesejahteraan Komuniti. Forum ini diadakan bertujuan untuk berkongsi kerangka penyelidikan dan pembinaan kapasiti yang digunakan InsPeK untuk bekerja bersama dengan para pemegang taruh dalam menguruskan kemiskinan secara berimpak lestari. Sepanjang forum ini berlangsung, lebih 1000 orang telah menonton siaran ini secara langsung.

SESI MEET & GREET BERSAMA AHLI MAJLIS ACTION GROUP FOR ENTREPRENEURSHIP (AGE COUNCIL) UMK DAN PENGURUSAN FAKULTI


Majlis *Action Group For Entrepreneurship* (AGE Council) mula ditubuhkan pada tahun 2007, hasil cetusan idea Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU) UMK. AGE Council bertindak sebagai Badan Pemikir dan Bertindak (Action) dalam merangka pelan tindakan pembangunan keusahawanan UMK dan

mengangkat konsep *Redesigning Higher Education: University, Industry And Community Engagement* – Kerjasama Pintar UMK bersama Industri. Diharap dengan penubuhan AGE Council ini, UMK dapat menjadi sebuah Universiti Awam berfokus kepada keusahawanan menjelang tahun 2023 di Malaysia dan tahun 2030 di Asia.




9 September 2021

En. Afizulazha bin Abdullah, Ketua Pegawai Operasi (Teknologi) Celcom Axiata Berhad bersama Pengurusan Jabatan Sains Data (JSD)




13 September 2021

En. Sakri bin Abdullah, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM) bersama Pengurusan Fakulti Pengajian Bahasa Dan Pembangunan Insan (FBI)



13 September 2021

YBhg. Dato' Seri Dr. Michael Tio, Ketua Pegawai Eksekutif PKT Logistic Group Sdn. Bhd. bersama Pengurusan Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP)



14 September 2021

En. Sufian bin Abdullah, Ketua Pegawai Eksekutif UEM Sunrise Berhad bersama Pengurusan Fakulti Seni Bina dan Ekistik (FSE)



ACCREDITATION COUNCIL FOR ENTREPRENEURIAL AND ENGAGED UNIVERSITIES (ACEEU)

8 – 10 OGOS 2021 : Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mencatatkan satu penanda aras baharu terhadap kualiti pendidikan pengajian tinggi awam berteraskan keusahawanan. Namun begitu, untuk mencapai agenda yang lebih besar iaitu menjadikan UMK sebagai Universiti Keusahawanan No. 1 di Malaysia (2023), ASEAN (2026) dan Asia (2030), adalah penting untuk UMK mendapat pengiktirafan yang lebih tinggi oleh satu-satunya badan pengakreditasi yang mengiktiraf universiti keusahawanan di peringkat antarabangsa iaitu ACEEU.

ACEEU atau *Accreditation Council for Entrepreneurial and Engaged Universities* yang ditubuhkan pada tahun 2016 merupakan badan jaminan kualiti yang beroperasi secara global dengan fokus untuk mengiktiraf penglibatan dan keusahawanan universiti. UMK telah mengorak langkah untuk menjadi universiti awam pertama di Malaysia mendapat pengiktirafan sebagai universiti keusahawanan oleh ACEEU. Setelah melalui proses pelaporan dan penilaian awal, akhirnya, UMK telah berjaya melayakkan diri ke peringkat akhir proses penilaian ini setelah memenuhi 15 kriteria kualiti yang ditetapkan oleh pihak ACEEU. Peringkat akhir proses pengakreditasi telah berlangsung selama tiga (3) hari bermula pada 8 – 10 Ogos di mana UMK telah menerima kunjungan Peer Review Visit oleh tiga (3) orang panel penilai professional yang dilantik.

Kunjungan *Peer Review Visit* ini dijalankan secara hibrid selain seorang panel penilai professional hadir secara fizikal. Prof. Abdul Jalil Ghazali dari Management & Science University (MSU) telah membuat kunjungan secara fizikal ke UMK pada 8 Ogos. Beliau amat berpuas hati infrastruktur dan fasiliti seperti inkubator dan kios usaha yang disediakan oleh UMK. Sesi penilaian diteruskan secara dalam talian pada 9 – 10 Ogos melibatkan panel-panel lain iaitu Prof. Paul Coyle (United Kingdom) dan Prof. Dato' Dr. Saran Kaur (Universiti Kebangsaan Malaysia).

Dengan pengiktirafan ini, UMK bakal menyertai 6 buah kelompok universiti lain yang telah diiktiraf oleh ACEEU iaitu Chalmers University of Technology (Sweden), Management and Science University (Malaysia), The University of Adelaide (Australia), Universidad EAN (Columbia), University of Tartu (Estonia) dan University of Malaga (Sepanyol). Menerusi pengiktirafan ACEEU memberikan lebih keyakinan kepada UMK untuk terus komited mencipta kejayaan cemerlang di peringkat antarabangsa.

PELANCARAN BUKU USAHAWAN SISWA: MEMETA HALUAN, MELAKAR JAYA



Tiga produk Inovasi pelajar Fakulti Industri Asas Tani (FIAT) Universiti Malaysia Kelantan (UMK) memenangi geran penyelidikan berjumlah RM120,000.00 pada Pertandingan Malaysia Social Innovation Accelerator Program (MYSIAP), anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), baru-baru ini.

Produk tersebut ialah Gummi Cuka Rambutan Perasa Tembikai yang dihasilkan oleh Nur Amira Azmi dan Nurul Hasanah Mohd Zaini di bawah bimbingan Dekan FIAT, Prof. Madya Dr. Seri Intan Mokhtar, produk Massage Bar Added with Watermelon Skin Extract and Mint oleh Nur Dini Dayana Zamzuri, di bawah bimbingan pensyarah FIAT, Ts. Dr. Siti Nuurul Huda.

Turut memenangi geran tersebut ialah produk inovasi Pink Guava Pomace Powder for Bread Making dihasilkan oleh Fazilawati Shaari, di bawah bimbingan pensyarah kanan FIAT, Dr. Khomaizon Abdul Kadir Pahirul Zaman dan Dr. Nurhanan Abdul Rahman. Dengan kejayaan cemerlang itu masing-masing menerima geran penyelidikan RM40,000 dari Yayasan Inovasi Malaysia (YIM), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

UMK TERSENARAI DALAM 10 BUAH UNIVERSITI KE PERINGKAT AKHIR PROGRAM FRANCAIS SISWA 2021

15 September 2021 (Rabu) – Universiti Malaysia Kelantan melalui Pusat Pembangunan dan Pendidikan Keusahawanan (CEED), Institut Keusahawanan UMK (UMKEI) telah berjaya menghantar empat (4) peserta yang dibimbing oleh seorang mentor ke Program Francais Siswa 2021. Program Francais Siswa ini merupakan program anjuran Persatuan Francais Malaysia dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). Objektif utama program ini ialah untuk memberikan pendedahan tentang perniagaan francais kepada kumpulan mahasiswa dan melahirkan siswa sebagai usahawan francais.

UMK mempertaruhkan perniagaan Cendol Gula Apong yang telah diusahakan oleh pelajar dari Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) iaitu Noraliah binti Mat Jan, Nurul Husnina binti Omar@Che Othman, Umami Salima binti Kasim@Kasmi dan Ann Yasmin binti Rusli dengan diselia oleh Dr. Nurul Ashykin binti Abdul Aziz.



Menerusi slot Biz Malaysia saluran televisyen RTM, UMK bersama dengan 9 Universiti Awam yang lain telah tersenarai dalam senarai akhir bagi fasa Cabaran Niaga Program Francais Siswa. Peserta akan mengikuti bootcamp secara dalam talian yang telah diadakan pada 25 dan 26 September bagi melayakkan peserta ke peringkat seterusnya. Pembentangan akhir dijangka akan dilaksanakan secara fizikal pada bulan November nanti. Semoga dengan penyertaan dalam program seperti ini ia akan menjadi dorongan dan semangat kepada pelajar-pelajar lain untuk lebih yakin dalam mengetengahkan idea perniagaan mereka ke peringkat yang lebih tinggi.



AKTIVITI PENTERNAKAN PUYUH PEDAGING DAN PENELOR

ATP, 11 JULAI 2021 – ATP telah menjalankan aktiviti penternakan puyuh pedaging dan penelur di reban puyuh ATP UMK Kampus Jeli. Sebanyak 1000 ekor anak puyuh sedang diternak untuk penghasilan produk daging dan telur puyuh untuk jualan. Projek ini dijadikan 'showcase' kepada warga UMK dan masyarakat umum serta penjaan pendapatan universiti.



KELAHIRAN ANAK KAMBING BAKA BOER DI ATP

ATP, 27 JULAI 2021 – ATP telah menerima kelahiran seekor (1) anak kambing baka boer di Ladang ATP 2 UMK Jeli. Proses kelahiran tersebut berjalan lancar dan keadaan ibu serta anak kambing berada dalam keadaan sihat dan cergas. Jantina bagi anak yang baru dilahirkan tersebut adalah jantan.



AKTIVITI PEMASANGAN NET KALIS SERANGGA

ATP, 07 OGOS 2021 - Pihak ATP telah menjalankan kerja-kerja pemasangan netting pada rumah lindungan kalis serangga bagi mengelakkan serangan perosak kupu-kupu putih pada tanaman. Pemasangan netting ini adalah bertujuan bagi mengelakkan tanaman daun menjadi kerinting disebabkan oleh perosak tersebut.



LAWATAN DAN PERBINCANGAN BERKENAAN PROJEK PENYELIDIKAN DAN INOVASI BAGI PENGHASILAN BAKA PEMBIAKAN KAMBING BAGI PENTERNAKAN DI GUA MUSANG

ATP, 23 OGOS 2021 – ATP dan beberapa penyelidik dari Fakulti Industri Asas Tani (FIAT) dan Fakulti Perubatan Veterinar UMK telah menghadiri satu lawatan dan perbincangan di Perusahaan Farhan Ahmad, Kg. Lengan Jaya, Gua Musang yang diketuai oleh YBhg. Prof TNCPI. Tujuan ini adalah bagi membincangkan dan memindahkan pengetahuan serta kepakaran penyelidikan daripada penyelidik – penyelidik UMK kepada sektor penternakan dan industri bagi membantu para perusaha dalam meningkatkan penghasilan baka pembiakan yang lebih bermutu tinggi.



KELAHIRAN ANAK KAMBING BAKA JAMNAPARI DI ATP

ATP, 26 OGOS 2021 – ATP telah menerima kelahiran dua ekor (2) anak kambing baka jamnapari di Ladang ATP 2 UMK Jeli. Proses kelahiran tersebut berjalan lancar dan keadaan ibu serta anak kambing berada dalam keadaan sihat dan cergas. Jantina bagi anak-anak kambing yang baru dilahirkan tersebut adalah jantan dan betina (sepasang).



LAWATAN KE PUSAT KRAF PERTUKANGAN EMAS PERAK KELANTAN

12 JULAI 2021 - Sesi lawatan Creative Techno Park ke Pusat Kraf pertukangan Emas Perak Kelantan. Antara perbincangan adalah kerjasama dari segi aspek kemahiran dan nilai sejarah kraf di Kelantan. Keadaan ini dapat membuka peluang ekonomi kepada Universiti Malaysia Kelantan khususnya.



LAWATAN KE KELAB HASNAF KAMPUNG PENGKALAN CHEK SENIK BARUH BADAQ KEMUDI BACHOK

14 Julai 2021 - Program lawatan ke kelab Hasnaf Kampung Pengkalan Chek Senik Baruh Badaq Kemudi Bachok. CTP akan bekerjasama dengan kelab ini untuk menjayakan beberapa projek yang akan dijalankan di sekitar Kampung Chek Senik, Kemudi. Antara projek yang akan dijalankan untuk golongan hasnaf ialah membangunkan sistem bekalan air bersih, perternakan ikan dalam sangkar dan rumah rakit.



LAWATAN TAPAK PROJEK PEMBANGUNAN DAN PERTANIAN UNTUK UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK)

24 Julai 2021 - Lawatan tapak projek pembangunan dan pertanian untuk Universiti Malaysia Kelantan (UMK) iaitu penanaman Buluh di Lojing Gua Musang seluas 1500 ekar serta akan menyumbangkan penjanaan pendapatan kepada UMK.




LAWATAN KE TAPAK PROJEK PENYELIDIKAN TANAMAN BULUH DI LOJING GUA MUSANG

6 & 7 Ogos - Creative Techno Park (CTP) akan menubuhkan Bamboo Heritage dan rumah Orang Asli di dalam Kampus Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Bachok. Projek ini merupakan yang pertama kali dipelopori oleh Universiti Awam Malaysia. UMK akan meneraju projek ini untuk menjadikan salah satu HUB perlancongan di dalam kampus. Dengan adanya perkampungan ini nanti, ianya akan menjana pendapatan Universiti dalam tempoh 5 tahun.

Di samping itu juga, UMK menjadi tempat rujukan penyelidik bagi senibina rumah-rumah buluh di Malaysia. Cadangan bamboo heritage dan perkampungan orang asli juga boleh membantu para pelajar menambah pengalaman dalam seni reka yang mereka pelajari di Universiti.

SESI PERKONGSIAN TENTANG TECHNOLOGY DIVERSITY IN NIGERIA OLEH DR. ADAMS ADEIZA DALAM WEBINAR INSTINCTHUB.COM



JULAI 2021 – Dr. Adams Adeiza, Pengarah GERIC telah dijemput untuk berkongsi tips bagaimana mengatasi jurang penguasaan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang teknologi selain membantu para pelajar melengkapkan diri untuk menghadapi persaingan dalam bidang kerjaya selepas bergraduasi. Webinar 1.0 yang dianjurkan oleh pihak InstinctHub.com ini turut menampilkan ahli akademik dan pemain industri yang ternama dari seluruh dunia. Webinar ini diadakan secara langsung melalui saluran Youtube InstinctHub.com.

BENKEL DEVELOP YOUR MODEL OF ENTREPRENEURSHIP (DYME) SIRI 2 (2021) DIBAWAH PROGRAM KURSI KEUSAHAWANAN MAYBANK UMK

SEPTEMBER 2021 – UMKEI melalui GERIC dengan inisiatif daripada Penyandang Kursi Keusahawanan Maybank, Assoc. Prof. Dr. John A. Dobson telah sekali lagi menganjurkan bengkel DYME Siri 2 kepada para pensyarah di UMK. Program yang dijalankan selama 6 minggu ini melibatkan 30 orang pensyarah dari pelbagai Fakulti di UMK.



PELANTIKAN PENGARAH GERIC SEBAGAI EXPERT TEAM NEW ENTREPRENEURSHIP EDUCATION CURRICULUM FOR NIGERIAN UNIVERSITIES DAN PENGIKTIRAFAN SEBAGAI MICROSOFT CERTIFIED EDUCATOR SERTA ExO CONSULTANT



Visiting Senior Fellow	
1.	Prof. Rajesh Muralidharan
2.	Prof. Marina Arnaut
3.	Dr. Dahiru Sani
4.	Barr. Natasha Hadiza Akpoti
5.	Mr. Titus Olowokere
6.	Mr. Miguel Angel Rojas
7.	Mr. Temitope Oyenivboogun

Visiting Research Fellow	
1.	Dr. Ibraheem Salisu Adam
2.	Dr. Williams OAkerejola
3.	Dr. Benneth Uchenna Eze
4.	Dr. Udo Uka Ukeju
5.	Dr. Emeka Kenechi Agina
6.	Dr. Ogheneruemu Obi-Egbedi
7.	Dr. Kifordu Anvibuofu Anthony
8.	Barr. Abimbola Abdurrahman Akkiki
9.	Dr. Musa Abdullahi Bawero
10.	Dr. Oluwasogo Adegiran
11.	Dr. Abdullahi Hassan Goron-Dutse
12.	Dr. Mistura Adedovir Rufai
13.	Dr. Kabir Salman
14.	Dr. Mukhtar Baba
15.	Dr. Mutiat Bukola Salawu
16.	Dr. Akinbola Olufemi Amos

PELANTIKAN FELO PELAWAT GERIC

OGOS 2021 – GERIC dengan inisiatif dari Pengarah GERIC, Dr. Adams Adeiza telah menerima seramai 7 orang Visiting Senior Fellow dan 17 orang Visiting Research Fellow.

1. Visiting Senior Fellow
2. Visiting Research Fellows

PENYERTAAN DI DIGITALISED INTERNATIONAL INVENTION AND DESIGN (DIID) JOHOR 2021 DAN INTERNATIONAL ALUMNI CONVENTION AND INNOVATION EXHIBITION (INACIX) 2021



SEPTEMBER 2021 – GERIC melalui Dr. Jayaraj Vijaya Kumaran telah berjaya memenangi pingat emas bagi Kategori Sains dan Teknologi bagi produk penyelidikan SpeedDNA Isolation Kit di DIID Johor 2021 dan INACIX 2021. Produk ini sebelum ini telah memenangi banyak pingat sama ada emas mahupun perak di pertandingan inovasi yang lain. Kejayaan ini telah membuka lebih banyak peluang kepada penyelidik dari UMK untuk terus bersaing dengan penyelidik luar dalam bidang Sains dan Teknologi pada masa akan datang.



GERIC BAWA PULANG 2 PINGAT PERAK DALAM CARNIVAL RESEARCH AND INNOVATION (CRI) 2021

SEPTEMBER 2021 – Felo Bersekutu GERIC, Dr. Wan Mohd Nazdrol dan Dr. Jayaraj Vijaya Kumaran telah berjaya merangkul 2 pingat perak bagi 2 penyertaan di Carnival Research and Innovation (CRI) 2021 anjuran UMK. Masing-masing mempertaruhkan projek penyelidikan bertajuk Social Innovator Talent Development Innovative Framework: Certified Social Entrepreneurial Innovator Program dan Scientific Eco-Agro Tourism Model. CRI 2021 yang berlangsung secara atas talian telah mengumumkan pemenang bagi semua kategori yang dipertandingkan pada 22 September 2021.

PEMFAILAN PATEN PRODUK PENYELIDIKAN-SpeeDNA : AN IMPROVED METHOD TO ISOLATE DNA ORGANIC ASID OLEH PENYELIDIK GERIC

PELANTIKAN SEBAGAI PERUNDING PROJEK ENVIRONMENTAL IMPACT ASSESSMENT OLEH PIHAK NILAIMAS SERVICES

PELANTIKAN SEBAGAI PERUNDING PROJEK ENVIRONMENTAL IMPACT ASSESSMENT OLEH PIHAK ERE CONSULTING GROUP






PAMERAN BAGI SESI LAWATAN AUDIT ACCREDITATION COUNCIL FOR ENTREPRENEURIAL AND ENGAGED UNIVERSITIES (ACEEU)

08 OGOS 2021 – Pameran khas telah disediakan untuk sesi lawatan audit Accreditation Council for Entrepreneurial and Engaged Universities (ACEEU) diadakan secara fizikal oleh panel penilai profesional iaitu YBhg. Profesor Dr. Abdul Jalil Ghazali, Naib Presiden (Jaringan Industri dan Keusahawanan). Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK), UMK telah mengetengahkan produk di bawah UMK-MoF Social Enterprise Project. UMK-MoF SEP mengandungi 13 program yang bertujuan untuk menyelesaikan masalah dan meningkatkan kesejahteraan komuniti terpilih melalui kerangka perusahaan sosial. Antara produk yang dipamerkan adalah produk Ikan Lunak, Ikan bekok, vitamin spirulina, Satar panchakan, keropok segera, bunga orkid dan ikan kering.



WEBINAR BERSIRI (3) : PENYEDIAAN PROPOSAL GERAN INDUSTRI : TEKNIK DAN STRATEGI

17 OGOS 2021 – Program perkongsian oleh YBrs Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail (Pengarah InsPeK) berkaitan "Penyediaan Proposal Geran Industri" yang dianjurkan oleh Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK), UMK. Tujuan webinar ini diadakan adalah untuk memberikan pendedahan kepada warga UMK berkaitan teknik dan strategi untuk menghasilkan proposal geran industri yang berimpak tinggi.



ASIA PACIFIC ECONOMIC COOPERATION 2021 (APEC2021)

26 OGOS 2021 – APEC telah membuat jemputan khas YBrs Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail (Pengarah InsPeK) untuk berkongsi dalam satu slot program berprestij dalam Asia-Pacific Economic Cooperation 2021 (APEC2021). Perkongsian yang disampaikan adalah berkaitan hasil kajian yang dilaksanakan oleh InsPeK iaitu berkaitan pemetaan kemiskinan dan kemiskinan situasi akibat pandemik Covid-19.



FORUM i-See SOCIAL ENTERPRISE PROJECT : NORMA BAHARU EKONOMI MELALUI PERUSAHAAN SOSIAL DIGITAL

Forum ini dimudahcarakan oleh Dr. Nurhanan binti Abdul Rahman yang merupakan Ketua Bahagian Perkhidmatan dan Akademik di InsPeK, dan melibatkan tiga (3) orang panel undangan khas. Dua daripadanya adalah ketua program bagi "UMK-MoF Social Enterprise Project" dan pegawai dari Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) selaku rakan strategik. Forum ini menjadi platform perkongsian hasil kajian terbaru "UMK-MoF Social Enterprise Project" bersama rakan strategik berkaitan isu semasa melibatkan komuniti, selari dengan objektif kedua projek iaitu menyediakan platform kolaborasi dengan rakan strategik untuk bersama menyelesaikan masalah kumpulan sasar.



"HIGH LEVEL DIALOGUE 2": NEW SETTING TOWARDS COMMUNITY WELL-BEING AND SERVICES TO ADDRESS DISPARITIES

07 SEPTEMBER 2021 – YBrs Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail (Pengarah InsPeK) telah dijemput sebagai ahli panel dalam Forum tahap tinggi anjuran Urbanice Malaysia. Perkongsian yang disampaikan oleh beliau adalah berkaitan hasil kajian kemiskinan bandar serta elemen yang perlu diberikan perhatian dalam mencapai kesejahteraan bandar. Malaysia Urban Forum merupakan medium berimpak tinggi para pemegang taruh untuk berkongsi pandangan dan mendapatkan input dalam membina polisi yang berimpak tinggi.



SIKAP MEMBACA DALAM KALANGAN MASYARAKAT ORANG ASLI

09 SEPTEMBER 2021 – YBrs. Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail (Pengarah InsPeK) telah dijemput sebagai ahli panel dalam forum khas yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Beliau berkongsi pengalaman beliau bersama dengan Orang Asli sejak tahun 2005 berkaitan budaya membaca dalam kalangan komuniti ini.



FORUM UMK FOR SOCIETY: KERANGKA BAHARU BEKERJA BERSAMA MENGURUS KEMISKINAN DAN MEMBINA KESEJAHTERAAN KOMUNITI

14 SEPTEMBER 2021 – Pusat Jaringan Industri Universiti (CIUC) telah menganjurkan satu Forum UMK for Society dengan memilih InsPeK sebagai penganjur bersama. Forum ini menumpukan kepada tajuk Kerangka Baharu Bekerja Bersama Mengurus Kemiskinan dan Membina Kesejahteraan Komuniti. Panel bagi forum ini adalah YBrs Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail (Pengarah InsPeK), YBrs. Prof. Madya Dr. Azwan bin Abdullah (Ketua Bahagian Jaringan dan Data Raya), YBrs. Dr. Nurhanan binti Abdul Rahman (Ketua Bahagian Perkhidmatan dan Akademik), YBrs. Dr. Tengku Fauzan binti Tengku Anuar (Ketua Bahagian dan Penyelidikan) dan moderator adalah Pengarah CIUC, iaitu YBrs. Dr. Shah Iskandar Fahmie Bin Ramlee. Forum ini diadakan adalah bertujuan untuk berkongsi kerangka penyelidikan dan pembinaan kapasiti yang digunakan InsPeK untuk bekerja bersama dengan para pemegang taruh dalam menguruskan kemiskinan secara berimpak lestari.



BICARA KARYA APRESIASI BAHASA DAN SASTERA: DI MANA TANAH DIPIJAK, DISITU LANGIT DIJUNJUNG: ADAT ORANG ASLI SUKU TEMUAN

20 SEPTEMBER 2021 – YBrs Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail (Pengarah InsPeK) telah dijemput sebagai ahli panel dalam forum khas yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Perkongsian beliau adalah berkaitan idea dan realiti Orang Asli Temuan berasaskan buku yang ditulis beliau bersama Encik Jo Kumar. Beliau juga turut berkongsi pengalaman beliau melaksanakan kajian ke atas Orang Asli.



FORUM EU ERA: PEMBANGUNAN MODAL INSAN DAN KETERANGKUMAN SOSIOEKONOMI

20 - 22 SEPTEMBER 2021 – EU-ERA House of Scholar adalah program khas yang dianjurkan oleh Pusat Kajian Pasaran Buruh Masa Hadapan ES-UPMCS EU-ERA dengan anjuran Bersama Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK) UMK, bertujuan mengupas dasar dan strategi RMKe-12 dari perspektif saintifik yang berteraskan penyelidikan dan akademik. Perbincangan akan terarah kepada penilaian pencapaian RMKe-11 dan apakah keutamaan yang perlu diberi perhatian dalam RMKe-12 bagi mencapai sasaran WKB. Terdapat tiga sesi yang akan dijalankan sepanjang 3 hari program ini berlangsung. YBrs. Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail, Pengarah InsPeK merupakan salah seorang panel melalui program ini.



CARNIVAL OF RESEARCH AND INNOVATION EDITION (CRI 2021)

20 - 21 SEPTEMBER 2021 – InsPeK telah menyertai Carnival of Research and Innovation Edition (CRI 2021) dengan menghantar tiga orang wakil iaitu Ketua Bahagian InsPeK. Ketiga-tiga wakil telah berjaya memperoleh kejayaan bagi penyertaan ini. YBrs. Prof. Madya Dr. Azwan bin Abdullah telah mendapat Silver Medal bagi projek I-KFC dan YBrs. Dr. Tengku Fauzan binti Tengku Anuar juga telah memperoleh kejayaan Silver Medal bagi projek Augmented Reality (AR) Nation's Pillars Street Art in Kota Bharu for Urban Regeneration and Tourism. Manakala, YBrs. Dr. Nurhanan binti Abdul Rahman telah memperoleh kejayaan Bronze Medal bagi projek Sweet Potato and Black Bean Pasta.



22 SEPTEMBER 2021 – YBrs. Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail (Pengarah InsPeK) telah dilantik sebagai Ahli Malaysia University Consortium (MUC), Universiti Teknologi Malaysia mulai 22 September 2021.

Latar Belakang Usahawan: Merupakan syarikat pelajar UMK Kampus Jeli yang terdiri daripada 9 orang ahli.	Tarikh Pendaftaran di IFSSA: 1 Julai 2021
StRoLoB	
Produk Syarikat: Latihan keusahawanan penternakan udang galah	No. Pendaftaran Syarikat: SSU-01283/2021

USAHAWAN BIMBINGAN IFSSA


1 Julai 2021: StRoLoB (Sustainable Rosenbergii Lobster Based) merupakan syarikat pelajar UMK Kampus Jeli yang terdiri daripada 9 orang ahli. Syarikat ini menjual produk berasaskan udang galah. Syarikat ini telah mendaftar sebagai Usahawan Bimbingan IFSSA berkuatkuasa mulai 1 Julai 2021

Tahniah
TS. DR. NOR DINI BINTI RUSLI
 Atas pelantikan sebagai
FELO BERSEKUTU
 Institut Penyelidikan Jaminan Makanan dan Pertanian Lestari (IFSSA)
 Universiti Malaysia Kelantan
 Daripada
 Seluruh warga IFSSA dan UMK

PELANTIKAN FELO BERSEKUTU DAN PENYELIDIK BERSEKUTU IFSSA

1 Julai 2021: Ts. Dr. Nor Dini binti Rusli telah dilantik secara rasmi sebagai Felo Bersekutu di Institut Penyelidikan Jaminan Makanan dan Pertanian Lestari (IFSSA) mulai 1 Julai 2021 hingga 31 Disember 2022

Manakala, seramai 13 orang pensyarah yang terdiri daripada Fakulti Industri Asas Tani (FIAT) dan Fakulti Biokejuruteraan dan Teknologi (FBKT) telah dilantik sebagai Penyelidik Bersekutu di IFSSA mulai 1 Jun hingga 31 Disember 2021.



KURSUS SIJIL LATIHAN EKSEKUTIF HALAL

10 Julai 2021: Kursus ini dianjurkan oleh Islamic Business School (IBS) daripada Universiti Utara Malaysia. Kursus selama 9 hari ini dihadiri oleh Pengarah, Felo Bersekutu dan Penolong Penyelidik IFSSA. Kursus Sijil Latihan Eksekutif Halal adalah sangat bertepatan dengan keperluan IFSSA pada saat ini. Dengan adanya sijil ini dapat mengukuhkan portfolio akan kompetensi IFSSA sebagai Eksekutif Halal yang berdaftar kepada bakal usahawan, dan agensi serta industri luar yang berminat bekerjasama dengan IFSSA di masa akan datang.

Tahniah
 TS. DR. MARYANA BINTI MOHAMAD NOR & DR. MOOR HAFIZAH BINTI SAIDAN
 di atas kejayaan memperoleh
RM 20,000
 DARIPADA
 KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
 BAGI PROGRAM 'PATTY' BERASAKAN CENDAWAN TIRAM KELABU
 Penghasilan dan Analisis Kualiti Produk 'Patty' Berasakan Cendawan Tiram Kelabu

PERUNTUKAN DARIPADA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)

14 Julai 2021: IFSSA telah menerima peruntukan daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sebanyak RM20,000.00 bagi pelaksanaan Program Pembangunan Produk – Penghasilan 'Patty' berasaskan Cendawan Tiram Kelabu.



AUDIT FIZIKAL (HIBRID) BAGI PENGAKREDITASIAN UMK SEBAGAI UNIVERSITI KEUSAHAWANAN OLEH ACCEU

14 Julai 2021: IFSSA turut terlibat dalam pameran keusahawanan – audit fizikal (hybrid) bagi pengakreditasi UMK sebagai Universiti Keusahawanan oleh Accreditation Council for Entrepreneurial and Engaged Universities (ACEEU). Antara produk yang dipamerkan adalah seperti Hygiene Hydroponic Cincau, Kordial & Jem Mango, Jem Roselle, Pes Bechara (pes makanan), Lempuk & Pes Durian dan Pekasam Cendawan.

PERUNTUKAN DARIPADA TABUNG AMANAH KEUSAHAWANAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

26 Ogos 2021: IFSSA telah Berjaya memperolehi geran penyelidikan keusahawanan daripada Tabung Amanah Keusahawanan Universiti Malaysia Kelantan berjumlah RM2,450,000.00 bagi Projek Innovation and Entrepreneur Incubator Complex (IEIC). Projek ini merupakan projek pembangunan industri di dalam universiti (Industry@UMK) bagi menyokong ekosistem RICE di UMK. Pusat IEIC ini akan menjadi One Stop Centre bagi projek-projek yang melibatkan testing, analysis dan certification yang melibatkan industri herba, halal, mineral, logam dan emas di negeri Kelantan khususnya dan di Malaysia secara amnya.



WEBINAR IFSSA SEBAGAI HUB SEKURITI MAKANAN PANTAI TIMUR

29 Ogos 2021: Ts. Dr. Maryana Mohamad Nor, Pengarah bersama Ts. Dr. Suganthi a/p Appalasamy, Felo Bersekutu IFSSA, telah diundang sebagai speaker bagi program Forum UMK For Society – IFSSA sebagai Hub Sekuriti Makanan Pantai Timur. Antara perkongsiannya adalah seperti pengenalan dan objektif IFSSA, mengenai sekuriti makanan, perkhidmatan yang ditawarkan, kejayaan yang diperoleh IFSSA serta projek-projek terkini IFSSA. Program anjuran Pusat Jaringan Industri UMK ini telah diadakan secara LIVE di Facebook Rasmi UMK dan telah ditonton oleh pelajar dan staf UMK.



WEBINAR RESEARCH TALK @FPV1/2021 SHARING SESSION – PERMOHONAN DANA DARI AGENSI LUAR


5 September 2021: Ts. Dr. Maryana Mohamad Nor, Pengarah IFSSA telah diundang sebagai speaker bagi program Research Talk @FPV1/2021 bagi sesi perkongsian yang bertajuk Permohonan Dana Dari Agensi Luar. Program yang dianjurkan oleh Fakulti Perubatan Veterinar ini telah diadakan perkongsian dalam talian melalui platform Google Meet yang telah dihadiri oleh para akademik daripada pelbagai fakulti di UMK. Di webinar ini, Pengarah IFSSA berkongsi segala tips dan strategi untuk mendapatkan dana dari agensi luar.





WORLD ARTIFICIAL INTELLIGENCE SHOW VIRTUAL CONNECT

23 Julai 2021 - Pengarah AIBIG telah dijemput untuk menghadiri sesi perhimpunan Ketua Kepintaran Buatan, Ketua Pegawai Digital, Ketua Inovasi dan pakar kepintaran buatan (AI) & *machine learning* secara dalam talian. Ucaptama, bengkel, persembahan kes penggunaan, pameran produk, perbincangan panel dan ceramah teknologi untuk mencari penyelesaian masalah dan trend dalam ruang AI adalah antara aktiviti yang diadakan sepanjang tempoh tersebut.



BENGGEL KEDUA PEMBANGUNAN PELAN HALA TUJU ROBOTIK NEGARA

23 Julai 2021 - Bengkel yang diadakan secara atas talian ini adalah susulan daripada Bengkel Pembangunan Pelan Hala Tuju Robotik Negara yang pertama pada 20 dan 21 April 2021. Akademi Sains sekali lagi menjemput Pengarah AIBIG untuk memberikan input dan pandangan terhadap Pelan yang telah dibangunkan dalam skop tadbir urus dan ekosistem; bakat/sumber manusia; penyelidikan dan pembangunan (R&D); pengkomersialan dan inovasi (aplikasi dan penggunaan oleh industri dan pengguna); perundangan (termasuk piawaian, peraturan dan akta yang terlibat); dan impak sosio-ekonomi.



TRAINING ON DATA SCIENCE PROFESSIONALS WITH KNIME

27 Julai – 6 Ogos 2021 - YBrs. Dr. Muhammad Akmal Bin Remli, Pengarah AIBIG dan Encik Khairul Nizar Syazwan Bin Wan Salihin Wong, Felo Bersekutu AIBIG telah hadir ke Kursus Pensijilan Profesional menggunakan KNIME Analytics Platform secara dalam talian. Program ini bermula mulai 27 Julai 2021 hingga 6 Ogos 2021. Aplikasi ini dijangka akan digunakan bagi memberi latihan dan pensijilan kepada peserta program yang akan dianjurkan oleh AIBIG



ROAD2UMK : JOM KENAL JABATAN SAINS DATA, UMK

28 Julai 2021-UMK telah mengadakan promosi program akademik Jabatan Sains Data (JSD) secara dalam talian dan disiarkan dalam facebook rasmi UMK. YBrs. Dr. Muhammad Akmal bin Remli (Pengarah AIBIG), YBrs. Dr. Hasyia Karimah binti Adli (Felo Bersekutu AIBIG) sebagai panel dan YM Tuan Mohd Nizam bin Tuan Mustapa (Pegawai Tadbir) sebagai moderator bagi program tersebut.

Program tersebut diadakan untuk mempromosikan Program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat dengan Kepujian aliran kepintaran buatan dan sains data yang baharu sahaja ditawarkan oleh UMK.



LAWATAN AUDIT OLEH PANEL PENILAI PROFESSIONAL ACCREDITATION COUNCIL FOR ENTREPRENEURIAL & ENGAGED UNIVERSITIES (ACEEU) KE IR4.0 COMPETENCE CENTRE

8 Ogos 2021 - AIBIG telah menerima lawatan daripada Penilai dari Accreditation Council for Entrepreneurial and Engaged Universities (ACEEU) yang dilantik. Tujuan sesi lawatan audit ini diadakan adalah untuk membuat penilaian bagi mengiktiraf UMK sebagai Universiti Keusahawanan.



WEBINAR: "ARTIFICIAL INTELLIGENCE & AUTOMATION IN AGRICULTURE: CURRENT DEVELOPMENT, CHALLENGES & OPPORTUNITIES"

25 Ogos 2021 - Webinar ini adalah anjuran AIBIG dengan kerjasama Pusat Pengurusan Penyelidikan Dan Inovasi (RMIC), Jabatan Sains Data (JSD) dan Fakulti Industri Asas Tani (FIAT).


Panel webinar adalah terdiri daripada YBhg. Dato' Nik Mod Amin bin Nik Abd Majid (Chairman, FCA Capital Sdn. Bhd.), YBhg. Prof. Madya Dr. Puteri Suhaiza binti Sulaiman (Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, UPM) dan Encik Mohd bin Mahmud@Mansor (CEO Phytophia) yang juga merupakan Pensyarah di Fakulti Industri Asas Tani, UMK.



MAJLIS PERASMIAN AIBIG DAN IR4.0 COMPETENCE CENTRE OLEH YB DATO' SRI DR. ADHAM BABA, MENTERI SAINS, TEKNOLOGI & INOVASI

11 September 2021 - Menteri Sains Teknologi dan Inovasi, YB. Dato' Sri Dr. Adham Baba telah merasmikan Institut Kepintaran Buatan Dan Data Raya (AIBIG) dan IR4.0 Competence Centre.

YB Menteri juga turut menyaksikan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) secara dalam talian antara UMK dan Microsoft (Malaysia) serta turut hadir dari pihak Huawei.



MESYUARAT BERSAMA PAKAR BIDANG TAHFIZ

7 September 2021 - JSD bersama FBI telah mengadakan perbincangan pewujudan Program Akademik Asasi Tahfiz Teknologi Maklumat yang merupakan salah satu perancangan UMK bagi melahirkan huffaz profesional dalam bidang terutamanya kepintaran buatan dan sains data. JSD dan AIBIG telah diberi tanggungjawab untuk merealisasikan hasrat ini.



KERJAYA DALAM BIDANG KEMAHIRAN PENGLIHATAN KOMPUTER & KECERDASAN BUATAN (AI) ANJURAN UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

20 September 2021 - Pusat Alumni dan Kerjaya Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah menjemput Pengarah AIBIG untuk berkongsi potensi dan pentingnya AI, Data Raya, Sains Data dan sebagainya pada masa kini. Program USIM ini bersempena dengan Hari Kerjaya Belia USIM-PERKESO oleh Pusat ini yang berlangsung mulai 20 hingga 23 September 2021.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

*Entrepreneurship
is Our Thrust*

*Kita
#BinaLegasiUMK
Bersama*

*#WeAreUMKFAMILY
#OneUMKoneDream*



OfficialUMK
umk.edu.my



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Universiti Malaysia Kelantan, Bachok
16300 Bachok, Kelantan

Tel : +609-7797000
Email: tncpi@umk.edu.my

